

# Bangunan baharu PPI dan PIPSenuhi keperluan kakitangan akademik UMS

UB 25.5.2017 B2

**KOTA KINABALU:** Bangunan baharu Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) dan juga Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS)

bakal memenuhi keperluan kakitangan akademik di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun

Abdullah berkata pembinaan bangunan itu membuktikan komitmen UMS bagi meningkatkan lagi taraf penyelidikan dan inovasi terutamanya golongan akademik

di universiti itu.

“Dalam konteks ini, UMS meletakkan fokus sama rata dalam soal memenuhi keperluan pendidikan dan penyelidikan dalam

kalangan kakitangan bagi meningkatkan lagi budaya penyelidikan dan inovasi di UMS,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan kunci bangunan berkenaan, baru-baru ini.

Harun berkata cetusan idea pembinaan bangunan kompleks penyelidikan yang merangkumi bangunan makmal bersepadu itu bermula pada tahun 2013.

“Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) UMS dan PPI kemudiannya telah bertungkus lumus untuk memastikan idea ini menjadi kenyataan, dan akhirnya ia diluluskan sekali gus pada

hari ini, akhirnya bangunan ini siap.

“Untuk makluman, ini merupakan antara projek yang dibuat oleh JPP sendiri dengan izin Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Syabas saya ucapkan kepada JPP dan PPI serta PIPS dan semua pihak yang terlibat,” katanya.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Shahril Yusof, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof Dr D Kamarudin D Mudin dan Ketua Jabatan Canselor Darwis Awang.



**HARUN (depan, lima kanan) bergambar kenangan bersama kakitangan JPP, PPI dan PIPS di hadapan bangunan baharu itu. Turut kelihatan, Shahril (depan, empat kanan), Kamarudin (depan, lima kiri) dan Darwis Awang (depan, tiga kanan).**